

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**MAJLIS PELANCARAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
OLEH YB DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN**

**PADA 16 MEI 2019 JAM 6.00 PETANG
AUDITORIUM ABDUL MAJID, INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Yang Berusaha En. Razman

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan

Yang Berusaha Tn.Hj. Ariffin Mamat

Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia

Anggota Lembaga Pengarah IKM

Ketua-Ketua Agensi;

Dato'/ datin, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Mohd Redzuan Yusof kepada semua yang hadir pada petang ini. Beliau tidak dapat hadir pada petang ini kerana ada urusan rasmi yang lain. Namun

YBM mendoakan agar majlis Pelancaran Institut Koperasi Malaysia berjalan dengan baik lancar.

2. Izinkan saya untuk membaca teks ucapan ini mewakili Yang Berhormat Menteri pada petang ini.
3. Alhamdulillah, saya melahirkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, maka dapat kita bersama-sama pada petang 16 Mei 2019 ini bersamaan 11 Ramadhan 1440H dalam **Majlis Pelancaran Institut Koperasi Malaysia**.
4. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah IKM, Tn. Hj. Ariffin Mamat/ Pak Pin dan Pengurusan IKM atas jemputan kepada saya untuk merasmikan Majlis Pelancaran IKM.

Hadirin Yang Dihormati,

5. Hari ini merupakan hari yang bersejarah bagi warga IKM secara khususnya dan juga bagi gerakan koperasi negara. Hari ini saya bakal merasmikan permulaan yang baharu bagi IKM dalam mencorakkan landskap gerakan koperasi negara.
6. Ini merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan yang sentiasa mengambil berat dan berusaha untuk meningkatkan daya saing koperasi melalui pewujudan ekosistem koperasi yang lebih kondusif dan mendorong koperasi untuk berlangsung dengan lebih cekap.

7. Melalui penjenamaan semula, Institut Koperasi Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia di perkukuhkan peranannya dan bukan hanya sekadar bertukar nama sahaja.
8. Kita berharap melalui penjenamaan semula ini, Institut Koperasi Malaysia terus cemerlang dalam menyalurkan ilmu dan mendorong koperasi meningkatkan kemahiran dan kepakaran modal insan melalui program-program pembangunan kapasiti yang bersesuaian dengan tren masa kini.
9. Koperasi ini, umpama apa yang Bill Gates nyatakan di MIT Technology Review mengenai **Inovasi teknologi yang memberi impak pada 2019** –iaitu mesin bajak.
10. Mesin bajak ini telah lama digunakan semenjak zaman Mesopotamia lagi iaitu hampir 4000 tahun sebelum masihi. Dengan adanya mesin bajak, tanah menjadi subur, petani dapat menanam tanaman yang dapat menjadi sumber makanan masyarakat dan akhirnya dapat mengembangkan ekonomi.
11. Sehingga kini mesin bajak masih lagi relevan dalam memastikan aktiviti pertanian dan makanan dunia terjamin. Apa yang menyebabkan ianya terus kekal relevan?.
12. **INOVASI!!!** Inovasi kepada mesin pembajaklah yang menjadikannya

kekal relevan sehingga ke hari ini. Dari dulu sehingga kita mesin bajak ini mengalami evolusi yang cukup besar. Daripada secara manual, kini automasi mendominasi penggunaan mesin ini.

13. Begitulah juga dengan gerakan koperasi. Koperasi di negara kita telah lama wujud semenjak tahun 1922 lagi dan koperasi bandar yang pertama ditubuhkan masih lagi wujud hingga kini iaitu Koperasi Pos Nasional dan Koperasi Telekom Malaysia. Bagaimana koperasi ini mengekalkan kewujudan mereka?
14. Sudah tentu mereka melaksanakan inovasi dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Mengkaji keperluan anggota yang bertukar dari tahun ke tahun, mengambil peluang dalam mengadaptasi teknologi semasa dalam meningkatkan kecekapan perniagaan dan mengurangkan kos perniagaan.
15. Jadi kuncinya, koperasi perlu menginovasi model perniagaan dari semasa ke semasa dalam mengenal pasti nilai yang ditawarkan kepada anggota dan pemegang taruh adalah relevan.
16. Tawaran nilai koperasi mestilah selari dengan keperluan anggota dan koperasi supaya relevan dan lestari.
17. Jika dilihat daripada perkembangan koperasi luar negara, salah satu faktor kejayaan yang menyebabkan koperasi kekal relevan adalah kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Sehinggakan bila kita cakap koperasi terbayang produk yang berkualiti, lestari hijau, tidak mencemarkan alam, lebih kompetitif dan berkualiti dan banyak lagi.

18. Koperasi juga perlu lebih kreatif dalam merebut peluang perniagaan misalnya mengambil peluang dalam pasaran produk yang berkualiti dan premium. Di luar negara contohnya, koperasi menanam beras organik yang dapat dijual pada harga 4 kali ganda lebih tinggi daripada harga beras biasa. Maka perolehan yang diperolehi jauh lebih tinggi dengan usaha yang sama.
19. Koperasi juga seharusnya pantas dalam mengambil peluang yang wujud daripada Revolusi 4.0 atau IR4.0. Mana-mana kerja fizikal yang berulang, berasaskan aturan dan melibatkan keperluan fizikal yang terhad boleh dioptimumkan melalui penggunaan automasi.
20. Penggunaan automasi akan menjimatkan penggunaan sumber, memudahkan komunikasi dan menyebar luas maklumat antara koperasi dengan anggotanya dengan lebih mudah dan menjimatkan.
21. Kerja-kerja yang rutin dapat diautomasi seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada staf dan dalam jangka masa panjang menjimatkan kos penggajian staf.
22. Ada kalangan hadirin dalam dewan ini yang mungkin agak skeptikal bila kita katakan koperasi perlu berubah mengikut arus IR4.0. Namun, hakikatnya jika kita enggan berubah, lambat laun kita akan terpaksa berubah. Masa itu mungkin kita sudah jauh ketinggalan berbanding koperasi yang seangkatan dengan kita.

23. Lihat sahaja contohnya internet. Satu masa dulu ada yang mengatakan internet sebagai pengaruh negatif. Namun manfaatnya kepada masyarakat sangat banyak dan tidak boleh dinafikan sehingga menjadi satu keperluan pada masa kini.
24. Bukan itu sahaja, lihat syarikat gergasi NOKIA yang lewat berubah mengikut keadaan. CEOnya dalam satu kenyataan menyatakan “We didn’t do anything wrong ...but somehow we lost”. Ini kerana dunia perniagaan berubah dengan cepat...jika kita tidak berubah...kita akan ketinggalan.

Perspektif Koperasi

Dato-dato' Datin-datin, hadirin yang dihormati

25. National Entrepreneurship Framework (NEF) yang merupakan rangka kerja keusahawanan negara akan dilancarkan pada Julai 2019 akan datang menggariskan 21 Objektif Strategik yang merangkumi keseluruhan aspek dalam pembangunan aktiviti keusahawanan negara.
26. NEF ini akan melibatkan rangka kerja keusahawanan yang komprehensif, holistik dan terangkum bagi meningkatkan keupayaan perusahaan kecil sederhana dan usahawan.
27. Agensi-agensi dibawah Kementerian Usahawan juga terlibat di Pusat Sehenti Keusahawan (PSK) dalam membantu usahawan yang berhadapan dengan isu-isu menjalankan perniagaan
28. Justeru, gerakan koperasi diseru untuk meningkatkan keusahawanan di kalangan anggota koperasi masing-masing

melalui penglibatan aktiviti keusahawanan yang boleh diusahakan melalui penglibatan anggota secara individu dan koperasi bertindak sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran produk usahawan koperasi ini.

29. Secara tidak langsung ini akan menjana pendapatan sampingan bagi anggota dan meningkatkan aktiviti serta perolehan koperasi. Melalui ini, bukan sahaja koperasi mendapat manfaatnya, bahkan anggota juga sejahtera melalui koperasi.

Harapan Kerajaan

Hadirin yang dihormati,

30. Melalui penjenamaan Institut Koperasi Malaysia ini, pihak kerajaan berharap aspek pembangunan kapasiti modal insan koperasi dapat diperkasakan.
31. IKM sebagai pencetus inovasi dan idea dan ilmu baharu dalam memacu gerakan koperasi seiring dengan perkembangan terkini.
32. *“Knowledge is power”*. Pembangunan kapasiti Modal Insan Koperasi yang holistik harus menjadi agenda utama. Kita harap Anggota Lembaga yang memegang pucuk pimpinan koperasi memandu koperasi dengan Modal Ilmu yang boleh memacu koperasi untuk lebih cemerlang.
33. Kita tidak mahu Anggota Lembaga yang sama memegang jawatan bertahun-tahun tanpa ada sebarang pembaharuan

kepada koperasi. Oleh itu, kita harapkan Anggota Lembaga mencuri masa untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dari semasa ke semasa kerana ilmu itu dinamik dan sentiasa berkembang.

34. Anggota Lembaga perlu lebih serius dalam memandu koperasi ke arah pencapaian yang lebih cemerlang dan merangka perkembangan koperasi 10 tahun dan 20 tahun akan datang.
 35. Tidak kurang pentingnya anggota koperasi juga perlu memainkan peranan sebagai anggota dan menyokong aktiviti koperasi dan tidak semata-mata berharap pada dividen sahaja atau “investor owner”. Jadilah anggota-patron kepada koperasi. Dimana anggota sebagai patron melanggan produk dan perkhidmatan koperasi, serta prihatin tentang kepimpinan dan aktiviti koperasi.
 36. Satu dasar yang menggariskan pelan latihan yang holisti Di sinilah peranan besar yang dimainkan oleh IKM dalam memberi bimbingan dan program pembangunan modal insan yang bersasar, relevan dan sesuai dengan keperluan gerakan koperasi semasa yang berfungsi sebagai hub untuk membangun ilmu warga koperasi negara.

PENUTUP

37. Akhir kata, saya lihat penjenamaan Institut Koperasi Malaysia ini sebagai satu titik permulaan kepada transformasi latihan koperasi negara. InshaAllah melalui penjenamaan ini ilmu koperasi dapat dikembangkan dan akses kepada latihan bagi gerakan koperasi dapat dipertingkatkan.
38. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada IKM dan semua yang hadir bagi menjayakan program pada petang ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **“MAJLIS PELANCARAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA”**

Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualikum w.b.t

-Teks Tamat -